

22/12/16
MIS-40

Buku harga mampu milik

Karnival Kembali Ke Sekolah DBP tawar bahan bacaan serendah RM1

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Meskipun dalam era digital semua maklumat boleh diakses di hujung jari, dunia penerbitan buku masih relevan buat masyarakat dalam memupuk minat membaca terutamanya kepada generasi muda.

Mengambil kira pendekatan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terus berperanan menyediakan platform dalam usaha tersebut.

Menerusi penjenamaan semula pengajuran jualan akhir tahun, Karnival Kembali Ke Sekolah diperkenalkan bagi tahun ini dengan menawarkan lebih 3,000 judul buku dan majalah yang bakal dipamerkan untuk jualan dengan harga serendah RM1.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DBP, Kamarul Zaman Shaharudin berkata, karnival yang bakal diadakan selama 11 hari bermula esok sehingga 2 Januari 2017, itu menjanjikan peluang yang wajar dimanfaatkan ibu bapa sempena cuti sekolah.

Menurutnya, tidak hanya tertumpu pada jualan buku, karnival tersebut turut menjanjikan pengisian lain dengan pelbagai aktiviti menarik untuk seisi keluarga yang berkunjung.

"Ini kali ketiga jualan dibuat hujung tahun sejak DBP mengambil alih semula dari pihak konsesi pada September 2014. Namun tahun ini



Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid ketika majlis pelancaran lori Ujana Buku DBP bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan.

tanggungjawabkan untuk memberikan terbitan bermutu, DBP menawarkan harga jualan mampu milik kepada masyarakat.

"Buku-buku di DBP melalui tapisan yang sangat ketat memastikan buku yang berkualiti daripada bahasa dan pengisiannya. Itulah yang dipaparkan kepada masyarakat.

"Biarlah ibu bapa keluar duit untuk beli buku yang betul-betul bernilai kepada anak-anak," katanya.

Himpunan trak buku

Menerusi karnival yang diadakan di Kompleks DBP, Hulu Kelang itu, buat pertama kalinya akan menghimpunkan trak-trak buku daripada pelbagai penerbitan lain.



Pengisian pelbagai aktiviti seperti yang dilaksanakan pada Pesta Buku Antarabangsa 2016, akan dibawa ke Karnival Kembali Ke Sekolah.



KAMARUL ZAMAN

INFO

MENARIK DI KARNIVAL KEMBALI KE SEKOLAH DBP

- Beli dan Menang
- Permainan roda kata
- Sahibba chopp
- Sesi bersama penulis
- Pemeriksaan kesihatan
- Sudut permainan kanak-kanak
- Trak buku
- Santai bersama Ustaz Don
- Pelancaran wakaf DBP

penjual seluruh Malaysia. "Ini termasuk DBP cawangan di Sabah, Sarawak dan juga wakil penjual DBP seluruh negara.

"Bagi yang tidak dapat datang ke

September 2011. Namun dalam ini kita beri nafas baharu dengan mempelbagaikan lagi aktiviti.

"Tujuannya kita mahu bantu ibu bapa yang mungkin buntu untuk mengisi cuti sekolah. Mungkin ada yang pergi ke pusat membeli-belah dan pusat perangan. Namun ia tentunya memerlukan kos yang tinggi tetapi kurang manfaat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah beliau, sebagai sebuah agensi kerajaan yang diper-

Kamarul berkata, setakat ini, sebanyak lima peneraju utama trak-trak buku di negara ini bersedia menawarkan jualan mereka sepanjang karnival berkenaan antaranya Book2u Karangraf, Intitute Terjemahan Bahasa (ITBM), Kedai Buku 1Malaysia dan Ujana Buku DBP.

"Pada kita pengendali trak buku ini adalah pemain-pemain yang melengkapi industri buku dan kita tidak lihat itu sebagai pesaing DBP kerana DBP ini bukannya tujuan kita komersil untuk dapatkan hasil tetapi

kita melihat pentingnya masyarakat didedahkan dengan bahan bacaan yang baik dan bermutu.

"Kita buka ruang di DBP untuk trak-trak ini datang, bersama-sama DBP memberikan balik kepada masyarakat. Saya juga percaya mereka juga akan beri tawaran harga istimewa kepada pengunjung," katanya.

Peluang dekati penulis

Karnival berkenaan turut membawakan penulis-penulis buku DBP dan pengunjung berpeluang men-

dekati mereka dan beramah mesra.

Empat penulis itu adalah Fahmi Faiz, Salina Ibrahim, Ahmad Patria Abdullah dan Cikgu Ghalib Yunus.

Kamarul berkata, pengunjung terutamanya ibu bapa harus mengambil peluang berkenaan dengan memberi ruang kepada anak-anak untuk berinteraksi secara terus dengan penulis berpengalaman.

"Mengambil contoh Cikgu Ghalib, sebagai seorang pakar bahasa Melayu yang menghasilkan buku tatabahasa dewan. Jika selama ini anak-anak hanya menjadikan buku tatabahasa dewan sebagai rujukan, peluang ini boleh dimanfaatkan untuk mereka bertemu beliau," katanya.

Ujarnya, bersempena karnival ini juga DBP dengan kerjasama Wakaf Selangor dan juga Bank Islam akan melancarkan Program Wakaf DBP.

"Pengunjung boleh mengambil kesempatan bertemu dan mendengar tazkirah dari Ustaz Don yang mana beliau juga adalah duta bagi Perbadanan Wakaf Selangor. Sesi berkenaan diadakan pada 27 Disember bermula jam 1 hingga 3 petang," katanya.

Menurutnya, karnival ini juga berjalan serentak dengan 34 wakil

DBP Hulu Kelang mereka boleh pergi ke DBP cawangan atau wakil penjual di setiap negeri," katanya.

Mahu terus melangkah

Dalam pada itu, mengulas berhubung perancangan DBP bagi tahun hadapan, Kamarul berkata, 2017 merupakan tempoh mencabar bagi semua penggiat industri penerbitan di negara ini

Namun katanya, ia tidak menjadi penghalang untuk DBP terus berkembang dan usaha akan diteruskan meskipun kemungkinan berlaku kawalan kos.

"Mudah-mudahan keadaan sukar ini tidak berpanjangan dan lantunan semula akan berlaku. Dalam masa sama, perlu cari ruang-ruang baru yang selama ini mungkin kita tak beri tumpuan.

"DBP juga sedang fikirkan bagaimana untuk kita kembangkan perkhidmatan pada negara-negara berbahasa Melayu yang lain seperti Brunei, Singapura, Indonesia.

"Kini kita gunakan perkhidmatan dalam talian. Mereka memesan buku melalui dbpniaga.my dan kita buat penghantaran terus ke negara-negara berkenaan," katanya.



Kamarul Zaman ketika ditemu bual oleh wartawan *Sinar Harian*, Hidayah Hairom.